

D577

U B339 AAB ENX  
MT-MUSA R R R

KUALA LUMPUR, 23 MAC (BERNAMA) -- MAJLIS TERTINGGI UMNO HARI INI MENOLAK ALASAN-ALASAN YANG DISEBUT OLEH DATUK MUSA HITAM DALAM SURATNYA UNTUK MELETAK KETIGA-TIGA JAWATAN SEBAGAI TIMBALAN PRESIDEN PARTI, TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI DALAM NEGERI.

BAGAIMANAPUN, PRESIDEN PARTI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD ENGGAN MENERANGKAN SEBAB-SEBAB MT MENOLAK ALASAN-ALASAN DATUK MUSA ITU.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA PADA AKHIR MESYUARAT MT HAMPPIR ENAM JAM DI KOMPLEKS UMNO DI SINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, MT TELAH MENERIMA KEPUTUSAN DATUK MUSA UNTUK MENARIK BALIK HASRATNYA UNTUK MELETAK JAWATAN SEBAGAI TIMBALAN PRESIDEN UMNO. -- LAGI.

1840MST 23 03 86

0582

U B340 AAB  
MT - MUSA 2 KUALA LUMPUR

DATUK MUSA MENYERAHKAN SURAT PERLETAKAN JAWATANNYA PADA 27 FEB., SEHARI SELEPAS BELIAU BERLEPAS KE JEDDAH UNTUK MENGERJAKAN UMRAH, YANG BERKUATKUASA PADA 16 MAC.

WALAUPUN SURAT ITU HANYA DIEDARKAN SECARA RASMI KEPADA PARA ANGGOTA MT TETAPI TELAH TERSEBAR LUAS KE SELURUH NEGARA, SEHINGGAKAN ADA PIHAK YANG TELAH MENJUAL SALINAN SURAT ITU.

DALAM SURAT PENJELASAN YANG DILAMPIRKAN BERSAMA-SAMA SURAT PERLETAKAN JAWATANNYA, DATUK MUSA MEMBERI LIMA SEBAB UTAMA IAITU:-

+ BELIAU TIDAK DAPAT MENERUSKAN PRINSIP-PRINSIPNYA BERKHIDMAT DAN MENJALANKAN TUGASNYA, YANG BERASAS KEPERCAYAAN PENUH, KOMITMEN DAN DENGAN HATI YANG RELA. BELIAU BERASA KOMITMENNYA TELAH MEROSOT KERANA TIDAK LAGI DIPERCAYAI DAN OLEH ITU TIDAK LAGI DAPAT BERKHIDMAT DENGAN SEPENUH HATI,

+ DALAM KEADAAN ITU MOTIFNYA DALAM SETIAP TINDAK TANDUKNYA AKAN DIPERSOALKAN DAN BELIAU MUNGKIN DITUDUH BERTINDAK DEMI KEPENTINGAN POLITIKNYA SENDIRI=

+ KENYATAAN BEBERAPA ORANG PEMIMPIN PARTI MENGENAI +PIHAK-PIHAK TERTENTU+ YANG CUBA MEMECAHBELAH DAN MENJATUHKAN KERAJAAN SERTA MENCEMARMKAN NAMA BAIK PERDANA MENTERI YANG DATUK MUSA PERCAYA SEOLAH-OLAH DIMAKSUDKAN BELIAU PIHAK-PIHAK TERTENTU ITU, DAN INI MENEKAN PERASAANNYA=

+ SELAGI BELIAU TERUS MEMEGANG JAWATAN SELAGI HEBAT AKTIVITI TOHMAH MEMOHMAH BERTERUSAN DAN INI MELETAKKAN BELIAU DALAM KEADAAN SERBA SALAH, IAITU JIKA BELIAU TERUS BEKERJA KUAT INI AKAN DISALAH TAFSIR DAN JIKA SEBALIKNYA PUN MAKA LEBIHLAH LAGI= DAN

+ BELIAU PERCAYA PERLETAKAN JAWATANNYA AKAN MEMBOLEHKAN DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMILIH SEORANG PENGGANTI YANG BELIAU PERCAYA PENUH, SERTA MENGEKALKAN PERPADUAN PARTI. -- LAGI.

1849MST 23 03 86

0573

U B338 AAB  
MT - MUSA 3 KUALA LUMPUR

MT MEMULAKAN MESYUARATNYA PADA KIRA-KIRA 9 PAGI DAN MENANGGUHKAN PERBINCANGAN SELAMA 45 MINIT UNTUK MAKAN TENGAH HARI SEBELUM MENERUSKANNYA UNTUK TEMPOH DUA JAM LAGI.

DI SAMPING DATUK MUSA YANG MASIH BERADA DI LUAR NEGERI, JUGA TIDAK MENGHADIRI MESYUARAT MT HARI INI IALAH BENDAHARI PARTI, ENCIK DAIM ZAINUDDIN YANG KINI BERADA DI ASIA BARAT DAN DATUK RAIS YATIM YANG SEDANG MENGHADIRI MESYUARAT MENGENAI DADAH DI LONDON.

DATUK SERI DR. MAHATHIR DIAPIT OLEH DATUK AMAR HAJI WAN MOKHTAR AHMAD, DATUK SERI SANUSI JUNID, ENCIK ANWAR IBRAHIM, DATUK ABDULLAH BADAWI DAN DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ PADA SIDANG AKHBAR ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMULAKAN SIDANG AKHBARNYA DENGAN MENGUMUMKAN MT TELAH MEMBINCANGKAN PERKARA PERLETAKAN JAWATAN DATUK MUSA DAN MEMUTUSKAN UNTUK MENERIMA HASRAT BELIAU MENARIK BALIK PERLETAKAN JAWATANNYA SEBAGAI TUMBALAN PRESIDEN PARTI TETAPI MENOLAK ALASAN-ALASAN YANG DINYATAKAN DALAM SURAT PERLETAKAN JAWATAN PADA 27 FEB.

DITANYA OLEH PARA PEMBERITA MENGENAI ALASAN MT MENOLAK SEBAB-SEBAB YANG DIBERIKAN OLEH DATUK MUSA, BELIAU MENJAWAB: + ITU ADALAH PANDANGAN MT SETELAH IA MENGAJI DENGAN TELITI.+ -- LAGI.

1834MST 23 03 86

D587

U B341 AAB  
MT - MUSA 4 KUALA LUMPUR

DITANYA SAMA ADA LANGKAH MT MENOLAK ALASAN-ALASAN ITU KERANA IA PERCAYA ADA SEBAB-SEBAB LAIN MENYEBABKAN DATUK MUSA MELETAK JAWATAN, PERDANA MENTERI MENJAWAB DENGAN MENGULANGI BAHAWA MT TIDAK DAPAT MENERIMA APA YANG DIDAKWA OLEH DATUK MUSA DALAM SURAT ITU.

KEPADA PERTANYAAN PEMBERITA YANG INGIN TAHU SAMA ADA PENOLAKAN ALASAN-ALASAN ITU BOLEH DITAFSIR BAHAWA DAKWAAN DATUK MUSA SEBAGAI TIDAK BENAR, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJAWAB: +ITU ADALAH KATA-KATA KAMU.+

BELIAU JUGA MENEGASKAN HANYA MT SAHAJA BERHAK UNTUK MENENTUKAN TENTANG DAKWAAN-DAKWAAN YANG TERKANDUNG DALAM SURAT PERLETAKAN JAWATAN ITU.

+KAMI BERTINDAK BERDASARKAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA DAN KAMI ADALAH TERIKAT DENGANNYA.+

DITANYA SAMA ADA MT AKAN MEMBERITAHU SECARA RASMI ATAU MENGHANTAR ROMBONGAN MENEMUI DATUK MUSA UNTUK MENJELASKAN KEPUTUSAN YANG DIAMBIL, BELIAU BERKATA PERKARA ITU TIDAK DIBINCANG DALAM MESYUARAT HARI INI KERANA DATUK MUSA AKAN MENGETAHUINYA SENDIRI KELAK, MUNGKIN MELALUI AKHBAR. -- LAGI.

1856MST 23 03 86

D588

U B342 AAB  
MT - MUSA 5 KUALA LUMPUR

BELIAU JUGA MENEGASKAN TIDAK PERLU ROMBONGAN MT MENGADAKAN PERTEMUAN SEKALI LAGI DENGAN DATUK MUSA KERANA MEREKA TENTU BERTEMU APABILA DATUK MUSA MENGHADIRI MESYUARAT MT PADA MASA AKAN DATANG.

MENGENAI SAMA ADA MT TELAH MEMBINCANGKAN PENGGANTI DATUK MUSA SEBAGAI TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERKARA ITU TIDAK BERBANGKIT KERANA BUKAN HAK MT UNTUK MEMUTUSKANNYA.

PERLANTIKAN SESEORANG SEBAGAI TIMBALAN PERDANA MENTERI ADALAH HAK MUTLAK PERDANA MENTERI DAN HAK INI DIAKUI OLEH MT, KATANYA. -- BERNAMA.

1857MST 23 03 86